

PEDAGOGI HIKMAH DAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI (KBAT) DALAM PENDIDIKAN ISLAM (Hikmah Pedagogy and Higher Order Thinking Skills in Islamic Education)

*Nur Syahirah Jarawi¹ & Hafizhah Zulkifli¹

¹Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Article History:

Submit: 7 April 2020

Accepted: 15 April 2020

Revised: 7 July 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 2 (2020), 90-102

Abstrak

Murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) merupakan satu aspirasi Kementerian Pendidikan di Malaysia. Kemahiran berfikir aras tinggi ini sudah menjadi kehendak yang perlu ada dalam diri seorang murid alaf ini. Namun, kemahiran berfikir aras tinggi ini bukanlah kemahiran sedia ada dalam diri murid tetapi memerlukan latihan dan pendekatan berkesan bagi mengasah kemahiran ini. Pedagogi Hikmah merupakan alat berfikir secara inkuiri falsafah yang boleh mengasah kemahiran berfikir. Pelaksanaan Pedagogi Hikmah dan KBAT ini dapat mengembangkan daya pemikiran kreatif murid kerana meningkatkan keupayaan menaakul semasa perbincangan yang mencari makna tentang apa yang dipelajari dalam Pendidikan Islam. Perbincangan yang bercirikan inkuiri ini juga memberi peluang kepada murid dalam berhujah dengan kritis dan mendengar pandangan rakan lain berdasarkan nilai dan pengalaman sendiri. Data pemerhatian telah direkodkan sepanjang sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Islam menggunakan Pedagogi Hikmah sebanyak tiga kali melibatkan 29 orang murid tahun 5. Hasil kajian mendapati murid yang terlibat dalam Pedagogi Hikmah ini menunjukkan kemahiran berfikir aras tinggi yang positif dalam menaakul pembelajaran dalam dan luar bilik darjah. Terdapat perbezaan aras soalan yang dikemukakan murid pada sesi PH01, PH02 dan PH03. Perbezaan ketara menunjukkan murid lebih banyak mengemukakan soalan aras tinggi pada data pemerhatian PH03. Murid mampu menyelesaikan masalah, penerokaan dan penyiataan dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam menggunakan Pedagogi Hikmah. Hal ini jelas mengasah kemahiran berfikir aras tinggi apabila murid dapat menaakul dengan berkesan dan diadaptasi dalam kehidupan seharian mereka. Murid juga mendapat peluang dalam merasai pengalaman dan meneliti kepelbagaian daya berfikir rakan yang lain, seterusnya menerima kepelbagaian budaya dalam masyarakat kita akan berubah cara berfikir dan melahirkan murid yang merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Kata kunci: Pedagogi Hikmah, komuniti inkuiri, kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT), murid, kemahiran berfikir aras rendah

Abstract

Students with Higher Order Thinking Skills (HOTS) are one of the aspirations of the Ministry of Education in Malaysia. This thinking skill has become a requisite skill for a millennial student. Nevertheless, HOTS is a skill that is non-existent among the pupils and to attain HOTS, drills and effective approaches are required. 'Pedagogi Hikmah' is a philosophical inquiry-based tool that can help to improve HOTS. Implementing 'Pedagogi Hikmah' and HOTS can refine creative thinking of the pupils as it enhances their ability to engage in meaningful discussions regarding what they are learning. This inquiry discussion also provides the opportunity for the pupils to critically listen and reason with other pupils grounded on their own values, experiences and prior knowledge. Data observation were recorded 3 times throughout the teaching and learning sessions on the implementation of 'Pedagogi Hikmah' with 29 students. The study found that students involved in 'Pedagogi Hikmah' showed positive feedbacks in portraying HOTS in their learning, in and out of the classroom. There were different levels of questions posed by students in sessions PH01, PH02 and PH03. Significant increase in the difficulty level of the questions presented by the students indicates they were more likely to propose HOTS questions in PH03 session observation. The pupils were able to solve problems, explore and investigate in Islamic Education using 'Pedagogi Hikmah'. The results clearly honoured HOTS where the students now obtained the ability to reason effectively and adapt it to their daily lives. Students will also have the opportunity to experience and explore their friends' variety of thinking as well as embracing the cultural diversity of the community. If this 'Pedagogi Hikmah' and HOTS made as a platform in education, evidently, our

society will advance in the way of thinking and consequently, generating pupils that can realize the Malaysian Education Development Plan 2013-2025.

Keyword: *Pedagogi Hikmah, community of inquiry, high level thinking skills (HOTS), students, lower order thinking skills (LOTS)*

1.0 PENGENALAN

Sistem pendidikan di Malaysia sering mengalami perubahan seiring dengan perkembangan era globalisasi seantero dunia bagi berdiri sama tinggi dalam kalangan negara maju. Perubahan sistem pendidikan ini bagi melengkapkan murid kita dengan ilmu baharu yang lebih memenuhi pasaran pekerjaan dunia. Menurut Ahmad Tajuddin (Berita Harian, 2018. Disember.23) menyatakan bagi menghasilkan murid yang memenuhi kriteria masa depan, kita perlu bersedia menghadapi Revolusi Perindustrian Keempat (IR.4.0). Namun pada tahun 2009, laporan Programme for International Student Assessment (PISA) menunjukkan kedudukan Malaysia amat menyedihkan kerana kita berada di paras satu pertiga terendah di dunia berbanding negara-negara OECD yang lain termasuklah Vietnam dan Thailand (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pada tahun 2012, sekali lagi pencapaian laporan PISA dengan mencatat skor 421 masih berada pada tahap paras minimum pada skor 494. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM, 2013) telah melaporkan bahawa 60% orang murid Malaysia berumur 15 tahun telah gagal untuk mencapai tahap kecekapan minimum dalam kemahiran berfikir aras tinggi dalam mengaplikasikan, menaakul dan memindahkan pengetahuan sedia ada untuk digunakan di dunia nyata. Hal ini amat mengecewakan apabila kerajaan Malaysia telah membelanjakan bajet yang besar dalam sistem pendidikan berbanding negara-negara yang dapat mengatasi kita dalam keputusan PISA. Justeru, ia memberi petanda bahawa sistem pendidikan kita mempunyai kelemahan dalam melengkapkan murid dengan kemahiran tersebut.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah drastik dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 bagi meningkatkan mutu dan kualiti sistem pendidikan di Malaysia. Enam aspirasi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 merangkumi; pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran kepimpinan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional. Dalam laporan awal PPPM juga menyatakan setiap kanak-kanak akan menguasai pelbagai kemahiran kognitif penting, termasuk kritis pemikiran, penaakulan, pemikiran kreatif, dan inovasi (KPM, 2013). Murid yang akan dihasilkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 ini haruslah mempunyai pelbagai kemahiran kognitif. Jelas sekali bahawa kemahiran berfikir aras tinggi menjadi agenda utama sistem pendidikan yang baharu ini.

Pelaksanaan PPPM beberapa tahun ini membuktikan bahawa program ini berada di landasan yang betul apabila keputusan PISA pada tahun 2018 menepati sasaran dan menunjukkan peningkatan yang baik. Menurut Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr Amin Senin dalam temu bual (M Star ;17 Disember 2019) menyatakan usaha menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi atau Higher Order Thinking Skills (Hots) dalam sistem pendidikan di Malaysia telah membawa hasil dalam keputusan PISA dengan peningkatan yang ketara. Oleh itu, pelbagai usaha yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan kita bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi seperti Model Bostan yang diperkenalkan oleh Schwartz dan Perkins, Model Lateral Thinking oleh de Bono's, Peta Minda Buzan dan Programme for Instruction in Learning and Thinking Skills atau PILTS, Pembelajaran Berasaskan Masalah (Problem-based Learning) dan yang terbaru adalah model I-think (Rosnani et al., 2018).

Meneliti pelbagai usaha yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, namun didapati bahawa kaedah pengajaran *Philosophical Inquiry* belum diterapkan dalam sistem pendidikan kita. *Philosophical Inquiry* telah dijenamakan semula oleh Rosnani Hashim dan dinamakan sebagai Pedagogi Hikmah (Kebijaksanaan). *Philosophical Inquiry* merupakan satu program yang memberi peluang untuk murid berfikir secara bebas. Program ini mengembangkan kemahiran menaakul dan kemahiran berfikir aras tinggi menggunakan perbincangan falsafah yang mana murid akan membentuk satu *community of inquiry* di kalangan mereka dalam sesebuah kelas (Lipman, Sharp, & Oscayan, 1980; Juperi, 2011). Oleh itu, pelaksanaan Pedagogi Hikmah akan mendorong murid untuk berfikir aras tinggi dengan penyoalan kritis dan refleksi kreatif apabila menekankan sifat falsafah semasa perbincangan dan penyoalan (Rosnani, 2017). Berdasarkan kajian Rosnani et al. (2018) dalam aplikasi Pedagogi Hikmah bagi pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris telah memberi impak yang besar dan menyumbang kepada peningkatan pencapaian dalam peperiksaan murid. Pengkaji juga mendapati jika Pedagogi Hikmah dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dilaksanakan secara konsisten di sesebuah sekolah, maka matlamat pendidikan akan dapat dicapai bagi melahirkan murid menguasai pelbagai kemahiran kognitif dari semua aspek.

2.0 LATAR BELAKANG

Kajian ini dilaksanakan untuk melihat penggunaan Pedagogi Hikmah dan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam murid Sekolah Kebangsaan Pusa. Kaedah pengajaran yang menekankan inkuiri falsafah ini memberi penekanan kepada mendalami sesuatu tajuk yang mana dibincangkan menggunakan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) bersama murid lain dengan pelbagai soalan dan pendapat, seterusnya dapat disimpulkan dengan satu kesimpulan.

3.0 PEDAGOGI HIKMAH

Pada tahun 2006, penubuhan Centre For Philosophical Inquiry In Education di Kulliyah Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah mencetuskan kelahiran Pedagogi Hikmah buat julung kalinya di Malaysia daripada idea philosophical inquiry dan program philosophy for children (P4C). Kelainan yang dibawa oleh Pedagogi Hikmah yang mana menekankan inkuiri falsafah berpandukan kemahiran berfikir kritis dan kreatif dan al-Quran serta pengalaman praktikal ahli yang menjalankan pendekatan ini (Rosnani, 2018). Pedagogi Hikmah ini sebagaimana dalam hadis Nabi S.A.W, 'Hikmah ialah ilmu yang telah hilang daripada umat Islam maka di mana ia dijumpai, ambillah ia (Sunan at-Tarmidzi 2687). Menurut pengasas inkuiri falsafah P4C, Lipman (1988) menyatakan bahawa matlamat program kemahiran berfikir adalah untuk membantu seorang kanak-kanak menjadi individu yang thoughtful (berfikir), lebih reflective (meneliti), lebih considerate (bertimbang rasa), dan lebih reasonable (munasabah). Manakala matlamat Pedagogi Hikmah masih berpandukan dengan matlamat Lipman dan ditambah dengan mengaplikasikannya bagi memahami al-Quran dan hadis dengan lebih mendalam bagi mendapatkan Hikmah sebagai hala tuju hidup.

Pedagogi Hikmah sangat berkesan dalam meningkatkan kemahiran berfikir murid seterusnya membina komuniti inkuiri dalam kelas mereka. Objektif pendekatan ini untuk (1) meningkatkan keupayaan menaakul, (2) mengembangkan daya kreativiti, (3) membangun perkembangan personal dan interpersonal, (4) membina kefahaman tentang akhlak dan etika, (5) mengembangkan keupayaan mencari makna dalam pengalaman dan (6) memikir dan memahami prinsip Islam dalam kehidupan. Seseorang murid akan mula menaakul seperti ahli falsafah apabila mereka mula bertanya kenapa dalam perbincangan (Rosnani, 2018). Guru akan menggunakan teknik penyolaan dan perbincangan yang melibatkan cerita atau bahan perbincangan sama ada teks, audio video dan gambar. Dalam menerapkan pendidikan falsafah, kuantiti maklumat atau ilmu yang diperoleh kurang penting berbanding dengan perkembangan daya pertimbangan intelektual.

Perbincangan falsafah berbeza dengan perbincangan biasa yang lain kerana setiap pendapat yang disuarakan akan dihargai, mendalami masalah secara mendalam dan bukan pendapat cetek. Persoalan dalam Pedagogi Hikmah ini tidak berfokus kepada jawapan yang betul sahaja. Hal ini semakin banyak soalan, akan penyelidikan dalam ahli akan berlaku dengan menerima jawapan yang berbeza yang masing-masing mempunyai kelebihan tersendiri. Pendapat ini disokong dengan pernyataan kajian Wilk (1995) yang menggunakan kaedah yang hampir menggunakan pendekatan *philosophical inquiry* mendapati semakin banyak bercakap, jawapan yang pelbagai, interaksi yang positif dalam kalangan ahli kelas, kurang penglibatan guru, dan lebih banyak soalan umum yang tersirat oleh murid maka perkembangan positif berlaku dalam perkembangan komuniti inkuiri dalam kelas tersebut. Murid terangsang untuk menyertai perbincangan, bersedia mendengar pendapat masing-masing dan menghargai rakan yang menyuarakan pendapat (Connie, 1999). Dalam Pedagogi Hikmah ini, semua murid mendapat peluang untuk bersuara dalam perbincangan dan diberi akses untuk memberi pandangan kepada pendapat lain yang diutarakan. Maka ahli dalam perbincangan akan mengalami proses demokrasi dan meningkatkan kemahiran insaniah yang melibatkan kemahiran berfikir (Rosnani et al., 2018). Kanak-kanak ini juga akan mendapat peluang dalam merasai pengalaman dan meneliti kepelbagaian daya berfikir rakan yang lain menerima kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Menurut pandangan Sprod, beliau yakin jika Pedagogi Hikmah ini dijadikan platform dalam pendidikan, semestinya masyarakat kita akan berubah cara berfikir secara beransur-ansur (Naji & Rosnani, 2017).

Terdapat tiga fasa penting yang akan berlaku dalam pelaksanaan Pedagogi Hikmah. Pertama murid akan diberi bahan rangsangan seperti teks, audio, video atau gambar yang mempunyai ciri kesamaran atau keraguan yang merangsang murid untuk bertanya. Kekeliruan konseptual perlu ada dalam bahan rangsangan supaya pembaca dapat memberi pelbagai tafsiran yang bermakna. Fasa yang kedua ialah pertanyaan. Murid akan diberi peluang dalam menyoal dan soalan tersebut akan ditulis untuk dibentangkan kepada rakan yang

lain. Seterusnya fasa yang ketiga ialah perbincangan. Fasa ini akan memupuk kemahiran berdialog dan menimbulkan penaksiran yang berbeza-beza dalam kalangan ahli Pedagogi Hikmah.

Jadual 1 : Fasa Pelaksanaan Pedagogi Hikmah

Fasa	Aktiviti	Huraian
1	Bahan Ransangan	Setiap murid akan diberikan bahan ransangan untuk proses pelaksanaan Pedagogi Hikmah. Murid akan diberikan masa untuk membaca dan memahami bahan ransangan. Kemudian guru akan bertanya berkaitan bahan ransangan yang diberikan. Contohnya jika bahan ransangan yang digunakan adalah teks maka guru akan meminta murid membaca ayat secara bergilir dihadapan semua murid. Guru akan meminta murid mengeluarkan watak dalam teks yang dibaca. Selepas selesai perbincangan berkaitan teks, sesi pertanyaan akan dimulakan.
2	Pertanyaan	Guru akan meminta murid berfikir untuk membina soalan tanpa terikat dengan kandungan tersurat dan tidak mempunyai jawapan dalam teks yang dibincangkan. Kemudian, setiap murid diberikan peluang untuk menulis satu soalan yang telah dibina dipapan putih. Soalan murid akan dikelaskan berdasarkan aras rendah, aras sederhana dan aras tinggi di hadapan murid. Hal ini bertujuan agar murid dapat membezakan jenis aras soalan yang dibina. Guru akan memilih soalan aras tinggi untuk dibincangkan.
3	Perbincangan	Dalam fasa ini murid akan diberi peluang untuk memberi pendapat berdasarkan soalan yang dibincangkan. Guru akan membantu murid dalam sesi penyoalan bagi membentuk <i>community of inquiry</i> . Semasa sesi perbincangan guru bertindak sebagai ransangan untuk murid berfikir dan memberikan pendapat masing masing. Sesi perbincangan ini akan diakhiri dengan penutup. Murid perlu membuat kesimpulan persetujuan untuk perbincangan mereka secara damai.

Namun pelaksanaan Pedagogi Hikmah ini sebenarnya memerlukan guru sebagai pemula dan mengubah persekitaran bilik darjah untuk mencapai pembelajaran yang bermakna. Kelancaran pelaksanaan Pedagogi Hikmah bergantung kepada guru dapat mencungkil tema dalam isu atau bahan yang telah dipilih. Guru juga perlu bertindak mengaitkan tema tersebut dengan pengalaman murid supaya perbincangan tersebut lebih dekat dengan mereka. Pandangan alternatif perlu dikemukakan bagi meningkatkan kemahiran berfikir. Oleh itu, pengajaran dan pembelajaran guru harus berfokuskan murid berfikir daripada fokus mencari jawapan. Tugas guru haruslah membantu murid dalam meningkatkan kemahiran berfikir dan membimbing mereka bagi mengemukakan soalan-soalan yang mencabar.

Perlaksanaan Pedagogi Hikmah akan memperlihatkan setiap pelajar mempunyai nilai dan tasawwur yang berbeza. Namun hal ini tidak menjadi masalah dalam perbincangan berteraskan falsafah dan apa yang lebih penting ialah apa yang murid fikirkan terhadap isu tersebut dan kenapa mereka berfikir, rasa dan bertindak seperti yang dilakukan mereka dan bagaimanakah hendak menaakul dengan berkesan. Peranan guru sangat penting untuk membantu pelajar menguasai cara-cara penyimpulan yang logik dan adab perbincangan yang mesra dan adil. Guru harus membina persekitaran *community of inquiry* yang melibatkan semua murid dalam sebuah kelas kerana apabila pelaksanaan Pedagogi Hikmah mereka akan saling hormat menghormati dalam mendengar pendapat dan idea rakan yang lain, saling mencabar memberi pendapat, menerima jika pendapat tidak disokong, bersama membuat kesimpulan selepas perbincangan dan berusaha memahami isu dan andaian yang dikemukakan oleh rakan yang lain. Penerapan *community of inquiry* semasa Pedagogi Hikmah akan menghasilkan suasana yang harmoni walau apa sahaja isu yang dibincangkan.

4.0 PHILOSOPHICAL INQUIRY (FALSAFAH INKUIRI)

Philosophical Inquiry merupakan Pedagogi yang menekankan kemahiran kognitif dan sosiologi yang menggunakan falsafah sebagai tunjang utama. Pedagogi ini diperkenalkan oleh ahli falsafah John Dewey dan diperkembangkan oleh Matthew Lipman, Ann Sharp dan Gareth Matthews (Kizel, 2016). Perkembangan platform ini bertujuan untuk memudahkan pembelajaran yang ditentukan sendiri oleh murid dengan menekankan pemikiran kritis dan kreatif yang digabungkan dengan falsafah. Kepentingan *philosophical inquiry* dalam proses pendidikan menurut Matthew Lipman iaitu pengasas kaedah ini, murid menggerakkan proses pembelajaran tersebut dengan idea yang ditentukan oleh mereka sendiri (Kennedy, 2010). Konsep pembelajaran yang ditentukan sendiri ini bermaksud murid mampu mengendalikan pembelajaran sendiri berbeza dengan gaya pembelajaran klasik yang mana proses menuntut ilmu itu seseorang akan mendapat ilmu daripada orang yang lebih pandai dan arif. Pendekatan tradisional ini

menekankan pergantungan murid kepada tenaga pengajar semata-mata untuk meningkatkan diri tanpa memerlukan penggunaan pemikiran kritis mereka sendiri. Maka tidak hairanlah kita, murid pada zaman kini tidak mempunyai keyakinan pada diri mereka sendiri (Ricci dan Pritscher, 2015).

Berdasarkan maksud pembelajaran sendiri di atas, *philosophical inquiry* ini berhasrat dalam mencapai makna apa yang dipelajari oleh murid dalam proses pembelajaran. Murid membuat kajian sendiri dalam memahami sesuatu membawa kepada pengalaman transformasi yang akan memberi manfaat kepada individu lain dalam kelompok tersebut (Brandt, 2013). Hal ini tidak cukup sesuatu pembelajaran hanya mempelajari konsep sahaja tanpa memahami bagaimana mengendali permasalahan tersebut di dunia nyata daripada pelbagai aspek. Oleh itu, pendekatan pembelajaran yang dipimpin oleh inkuiri dan pengajaran secara berdialog ini dilakukan bagi mengasah pemikiran kritis murid dalam menyiasat sesuatu secara rasional. Tidak memadai seorang murid bersetuju punca kemelesetan ekonomi pada tahun 2020 ini disebabkan oleh virus Covid19 tanpa mengetahui punca Covid19 tersebut dan cara mengendali virus tersebut. Tidak memadai kita sebagai pelajar Islam mempelajari konsep atau fakta dalam agama tanpa memahami ilmu yang dipelajari dan menyelesaikan masalah agama berpandukan fakta tersebut.

Di sekolah, kaedah sebegini sering digunakan oleh para guru yang mana mereka hanya menerangkan konsep dan fakta yang terdapat dalam silibus dan pengajaran dan pembelajaran berakhir dengan latihan latih tubi atau kerja rumah. Tidak ada perbincangan atau persoalan bagi memahami tajuk tersebut menurut persepsi murid-murid dan pengalaman mereka. Kaedah sebegini mungkin hanya akan memberikan gred yang baik pada keputusan peperiksaan akhir mereka tetapi mampukah kaedah ini mengembangkan kemahiran berfikir murid kita.

Jika tenaga pengajar kita pada hari ini masih tidak menerapkan *philosophical inquiry* maka tidak akan lahir generasi yang memenuhi keperluan pasaran dunia yang mana memerlukan pekerja yang kreatif, penyelesaian masalah dan mampu menggunakan ilmu sedia ada yang telah dipelajari ke scenario kehidupan sebenar (Hart Research Associates, 2013). Menurut Blaschke (2014), tenaga pekerja pada abad ke-21 memerlukan seorang yang mempunyai kemahiran kognitif yang pelbagai untuk menjadi produktif, berinovasi dan berkreativiti. Maka pendekatan *philosophical inquiry* perlu wujud secara mendalam di institusi pendidikan dan tidak terhad pada waktu dan tempat sebagai cara berfikir yang efektif dan rasional. Menurut Lipmann et al. (1980) *philosophical inquiry* ini didasari dengan persoalan yang dikemukakan oleh murid secara meluas tanpa terikat dengan apa yang dipelajari. Kemampuan soalan yang dikemukakan menunjukkan bahawa murid mulai dahagakan penjelasan holistik dan amat menyedihkan apabila tenaga pengajar tidak berusaha mengasah kemahiran berfikir mereka untuk berkembang secara kritis. Berdasarkan kajian Matthew Lipman di Montclair College, New Jersey menyatakan bahawa kanak-kanak mula berkembang secara falsafah apabila mereka mula menyoal dengan perkataan 'mengapa'. Apabila wujud rasa ingin tahu, mereka mula inginkan jawapan dan akan terus mengemukakan soalan yang lebih lanjut. Hal ini menandakan mereka mengalami proses perkembangan kemahiran berfikir.

Apakah perbezaannya guru menggunakan pendekatan *philosophical inquiry* dalam pengajaran dan pembelajaran? Pendekatan ini amat menekankan pertanyaan dalam pembelajaran yang bukan hanya guru sebagai pemandu soalan di dalam kelas tetapi murid sendiri. Murid akan digalakkan untuk bertanya soalan dan guru membantu untuk mencungkil soalan-soalan kritis dan ahli kelas sama-sama merenung perbincangan hingga dapat merungkai maksud-maksud tersirat dalam falsafah itu sendiri. Perkara ini berbeza jika kita membuat penyelesaian soalan-soalan matematik yang mempunyai jawapan yang tepat atau soalan sains yang menunjukkan bukti empirikal (Rosnani, 2012). Perbincangan secara falsafah ini akan mengalami proses penaakulan yang logik hasil perbincangan ahli kelas. Pendekatan ini akan sesuai berkaitan dengan sesuatu perkara yang mempunyai pelbagai pendapat yang mana setiap orang mempunyai pendapat masing-masing. Oleh itu, pendekatan ini akan membantu mereka mendengar pendapat ahli yang lain dan memilih manakah yang lebih sahih seterusnya membentuk *community of inquiry*. Pendekatan ini meraikan kepelbagaian budaya kerana setiap individu mempunyai pengalaman hidup yang berbeza berkaitan sesuatu perkara maka masing-masing mempunyai cara yang berbeza dalam menyelesaikan sesuatu. Malah Islam sendiri menggalakkan umatnya bermusyawarah atau *syura* dalam menentukan sesuatu perkara sama ada dalam hal individu, keluarga, masyarakat atau negara. Dalam al-Quran juga telah dinyatakan dalam surah al-Baqarah ayat 233 menceritakan tentang *syura* dalam asas pembentukan ummah.

4.1 Community Of Inquiry

Menurut Matthew Lipman (2003) *community of inquiry* merupakan idea asal daripada Charles Pierce yang membangunkan konsep tersebut yang terhad kepada bidang saintis. John Dewey telah menggunakan konsep yang sama dan mengaplikasikan dalam bidang pendidikan (Lipman, 2003). Berdasarkan konsep yang telah diperluaskan oleh Dewey, Lipman secara sistematik telah menyusun semula konsep tersebut

bersesuaian dengan persekitaran pendidikan. Lipman berpendapat bahawa bilik darjah perlu berubah menjadi komuniti penyelidikan berdasarkan ruang dan aras ilmu yang sama mengarah kepada menyoal, menaakul, berbincang, mencabar dan mengembangkan teknik dalam menyelesaikan masalah. Apabila sesebuah bilik darjah menjadi komuniti penyelidikan murid di dalamnya pasti akan saling hormat menghormati dalam mendengar pendapat dan idea rakan yang lain seterusnya saling mencabar memberi pendapat yang tidak disokong, saling membuat kesimpulan selepas perbincangan dan berusaha memahami isu dan andaian yang dikemukakan oleh rakan yang lain. Penerapan *community of inquiry* akan menghasilkan suasana yang harmoni walau apa sahaja isu yang dibincangkan. Pembentukan *community of inquiry* melibatkan guru dan murid dalam keadaan tertentu. Oleh itu pemahaman secara holistik berkaitan komuniti pelajar dan guru dalam penyelidikan fungsi utama dalam *community of inquiry* yang memberi implikasi dalam pendidikan seperti yang dinyatakan.


Pendekatan *community of inquiry* diinspirasikan dalam mengintegrasikan falsafah kanak-kanak, kecerdasan pelbagai, kemahiran berfikir yang berbeza dan kaedah pembelajaran yang lebih cepat untuk difahami oleh murid. Pendekatan ini sering dilaksanakan oleh murid itu sendiri tanpa ada campur tangan orang dewasa dalam institusi pendidikan. *Community of inquiry* boleh berlaku di kawasan persekitaran sekolah, atau di luar sekolah yang mana satu kelompok berbincang dalam satu isu atau masalah dengan pelbagai orang dewasa dan rakan sebaya. Dengan cara ini, sesebuah kelas akan berubah budaya menjadi *community of inquiry* yang anggotanya selesa dalam mendengar nasihat, idea menggunakan nilai dan prinsip mereka. Kemahiran berfikir secara falsafah digunakan oleh murid dalam menyoal dan menyiasat maksud tersirat sesuatu perkara. Komuniti inkuiri ini menggunakan kisah atau cerita bagi digunakan sebagai bahan berfikir. Kemahiran berfikir diasah dengan mendalami pemikiran mereka melalui dialog selepas membaca teks berfikir yang disediakan. *Community of inquiry* bukanlah dapat diwujudkan dalam masa yang singkat dalam sekolah kerana kemahiran berfikir secara mendalam perlu diasah dalam sesuatu tempoh masa, visi, tenaga dan organisasi yang sistematik.

Menurut Haynes dan Murriss (2012) menyatakan *community of inquiry* ini tidak berpusatkan murid mahupun guru dalam pelaksanaannya tetapi lebih sebagai pencarian ilmu dan pemahaman yang lebih baik melalui penaakulan dan dialog bersama. Prinsip utama dalam pendekatan ini ialah pembelajaran yang efektif perlu disokong dengan berdialog menggunakan kemahiran kognitif. Ruang perbincangan dan soal jawab akan wujud dalam komuniti inkuiri dan murid masing-masing memberi pendapat berdasarkan pandangan mereka. Komuniti inkuiri ini bukanlah satu subjek tambahan dalam jadual tetapi satu pendekatan keseluruhan dalam mewujudkan persekitaran kelas yang menggunakan kemahiran berfikir secara falsafah dalam pembelajaran. Bilik darjah akan menjadi tempat perkembangan kognitif yang menyeluruh dalam memberangsangkan idea-idea baru. Oleh itu, komuniti inkuiri ini amat sesuai untuk dilaksanakan dan dibiasakan guru dalam kelas sebagai medium bagi mengasah pemikiran aras tinggi, kritis dan kreatif. Gareth Matthews (1994) menyatakan bahawa guru dan ibu sering terbeban dengan bidang kerja luar sehingga mereka gagal menghargai perspektif falsafah yang segar menurut anak dan murid mereka. Oleh itu perbincangan menggunakan komuniti inkuiri telah menambahkan dimensi kepada pandangan Bruner (1987) mengenai konstruktivisme sebagai *world making* dan *life making* dalam meningkatkan kehidupan mereka dengan berfikir secara mendalam.

Apabila komuniti inkuiri ini dapat diamalkan dalam bilik darjah, perbincangan secara bijak akan menjadi kebiasaan anggota bilik darjah dan dapat digunakan dalam semua subjek. Hal ini akan membantu dalam mewujudkan satu persekitaran sekolah yang berfikir secara falsafah dan berkualiti. Ibu bapa juga perlu memahami komuniti inkuiri ini untuk diamalkan dalam pembelajaran di luar waktu sekolah mereka dan bagaimana mereka mengendali proses perkembangan kognitif anak-anak mereka. Murid-murid yang terlibat dalam *community of inquiry* ini akan mendapati diri mereka berada dalam situasi falsafah naratif yang mengandaikan pandangan orang lain dan membuat kesimpulan yang subjektif untuk mengelak ketidakpastian. Tahap pemahaman mereka mungkin berdasarkan pengalaman yang dialami oleh murid tersebut atau nilai keprihatinan disedari berdasarkan situasi dalam ahli kumpulan untuk membuat kesimpulan. Mungkin akan berlaku ketidakpastian yang difikirkan sama ada betul atau tidak sebagai naratif mereka (Kizel, 2016). Murid pada peringkat umur kanak-kanak masih tidak mampu menganalisis sendiri bagi membina pembentukan peribadi. *Community of inquiry* sebaliknya dapat menepis unsur yang tidak pasti dalam pemikiran mereka dengan perbincangan dan dapat mengembangkan kepekaan falsafah dan kesedaran melalui pertanyaan dan dialog dalam kumpulan (Kizel, 2015). Justeru, ia dapat memberikan gambaran secara menyeluruh dalam pelbagai aspek dan membuat analisis bersepadu.

4.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)

Kemahiran berfikir merupakan proses dalam menggabungkan dan menyusun maklumat mengikut urutan dalam minda kita untuk memahami atau menyelesaikan masalah untuk menghasilkan pengetahuan baharu dalam membuat keputusan yang berkesan (Yusoff & Seman, 2018). Pendapat ini bertepatan dengan pandangan Imam al-Ghazali (2007) menyatakan berfikir menggabungkan pengetahuan yang sedia ada dalam minda kita untuk membuat kesimpulan yang logik merupakan pemikiran intelektual. KBAT ini juga bukanlah baru wujud pada alaf ini tapi telah diterapkan sejak zaman Rasulullah lagi. Buktinya, suruhan berfikir telah disebut berulang kali dalam al-Quran dengan konsep *ya`qilun* iaitu berfikir, *yatafakkarun* iaitu berfikir secara mendalam serta konsep *yatadabbarun* yang membawa maksud berfikir untuk menemukan kebenaran tentang Pencipta disebut secara berulang-ulang dalam al-Quran (Mohd Farid, 2013). Jadi konsep yang telah disebut dalam al-Quran ini tidak mempunyai perbezaan dengan konsep berfikir dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dan aras Taksonomi Bloom (Anderson & Krathwohl, 2001) seperti di bawah;



(Anderson & Krathwohl, 2001)

Rajah 1 : Taksonomi Bloom

Amalan pelaksanaan KBAT bersumberkan aras Taksonomi Bloom ini telah merentasi kurikulum pendidikan di Malaysia dan diguna pakai dalam semua mata pelajaran akademik. Peringkat KBAT dalam Taksonomi Bloom merujuk empat aras teratas iaitu apabila murid tersebut dapat mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta. KBAT ini akan mengasah murid untuk berfikir secara kritikal, kreatif, reflektif dan meta kognitif (Nazrinah, 2015). Setiap murid mempunyai kemahiran berfikir pelbagai dengan tahap yang berbeza dalam menterjemah sesuatu maklumat. Kemahiran berfikir ini perlulah diasah dengan latihan pengetahuan secara berterusan sehingga murid mampu melakukannya sendiri. Kemahiran berfikir digunakan untuk mengendali maklumat yang diterima dalam minda kemudian memprosesnya untuk membuat kesimpulan sama ada benar atau tidak untuk dihayati dalam kehidupan. Murid yang dapat memproses maklumat dengan betul dan memilih kesimpulan yang benar disebut sebagai pemikiran kritis. Penyataan ini disokong Imam al-Ghazali (1939) iaitu yang mana segala ilmu yang ada di muka bumi ini datangnya daripada Allah S.W.T bukannya inspirasi manusia sendiri. Oleh itu, tugas kita manusia ciptaan yang Esa untuk membuat kajian kepada setiap ilmu yang wujud untuk dianalisis dengan akal yang membezakan yang mana hak atau batil. Falsafah Pendidikan Islam juga telah menyelaraskan agar pengajaran dan pembelajaran dituntut untuk menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) untuk mengembangkan minda bagi mendapatkan hasil yang berkesan dicelapaki dalam kehidupan seharian murid (KPM, 2014).

5.0 SOROTAN KAJIAN

5.1 Pedagogi Hikmah dan KBAT

Terdapat banyak kajian yang telah dijalankan menggunakan inkuiri falsafah oleh pelopornya dalam institusi pendidikan di seluruh dunia. Satu kajian besar telah dilaksanakan oleh Trickey & Topping (2004) melibatkan 18 buah sekolah rendah, dengan mengamalkan 1 jam inkuiri falsafah dalam seminggu selama 1 tahun di Clackmannanshire. Dapatan kajian tersebut mendapati murid mengalami perubahan yang konsisten dalam melibatkan diri menggunakan pedagogi inkuiri falsafah. Pedagogi tersebut juga meningkatkan kemahiran berfikir mereka, keupayaan kognitif, kemahiran menaakul secara kritis, dan aras penglibatan dalam kelas

bertambah aktif. Perubahan positif didapati menurut pandangan guru dan guru besar di Clackmannanshire yang menyatakan inkuiri falsafah ini membuat penambahbaikan kemahiran bertanya dan penaakulan murid sekolah. Bukti dapat dilihat dalam analisis video mereka yang memperlihatkan peningkatan dalam nisbah murid bercakap kepada guru bercakap daripada 41% kepada 66%. Peningkatan murid sekolah tersebut juga dikesan dalam kemahiran berfikir secara kritis iaitu murid berpegang teguh dengan hujah yang diutarakan mereka dengan hujah bertambah pada aras yang lebih tinggi bagi murid eksperimen menggunakan intervensi tersebut.

Kajian berkaitan Pedagogi Hikmah juga telah dijalankan di Malaysia oleh Rosnani *et al.* (2018) dalam kajiannya aplikasi Pedagogi Hikmah bagi pengajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Abad ke-21. Kajian ini dijalankan di tiga buah sekolah yang melibatkan 5 buah kelas telah memberi hasil yang positif kepada peserta kajian kerana menyumbang kepada peningkatan peperiksaan mereka. Hasil kajian juga membuktikan kemahiran kognitif murid semakin menggalakkan dan bersedia menghadapi kemahiran berfikir aras tinggi. Peserta kajian juga bersetuju bahawa Pedagogi Hikmah ini memberi peluang mereka berfikir secara mendalam dengan menjana soalan dan idea, mempertahankan hujah mereka dan menilai pendapat daripada rakan yang lain.

Dalam kajian lain yang dilaksanakan oleh Madidah *et al.* (2017) dalam melatih guru menggunakan Pedagogi Hikmah dalam pengajaran dan pembelajaran, mereka juga berjaya mengembangkan daya berfikir kritis, kreatif, kolaboratif dan keprihatinan (4K). Penemuan kajian mendapati murid lebih kritis dalam mengemukakan soalan dalam perbincangan dan dapat mengeluarkan hujah dan membuat kesimpulan. Peserta kajian juga dapat membina kemahiran berkomunikasi, menghormati etika perbezaan pendapat dan pelajar pasif semakin berani melibatkan diri dalam kelas. Hal ini disokong oleh De Hann *et al.* (1995) menyatakan pengajaran menggunakan inkuiri falsafah akan meningkatkan kepercayaan kepada diri dan menyumbangkan perkembangan pemikiran yang tinggi. Norlillah (2009) menjalankan satu kajian kualitatif bagi mengkaji implikasi inkuiri falsafah pada mahasiswa di KIRKHS dan hasil kajian berjaya memberi tema positif untuk kemahiran berfikir dan pembelajaran. Daripada hasil kajian-kajian yang dilaksanakan dapatlah disimpulkan bahawa Pedagogi Hikmah merupakan alat yang relevan sebagai platform bagi mengasah kemahiran berfikir aras tinggi dan diimplementasikan dalam sistem pendidikan kita untuk melahirkan anak bangsa yang menepati Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

6.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan secara kualitatif berdasarkan pemerhatian semasa pelaksanaan Pedagogi Hikmah dalam bilik darjah. Kajian ini mengkaji pendekatan Pedagogi Hikmah meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi murid. Pengkaji juga telah menggunakan video dan rakaman kamera sepanjang sesi pemerhatian berlangsung. Pemerhatian ini bertujuan melihat kemahiran berfikir aras tinggi murid dalam mengemukakan soalan dan berhujah dalam sesi Pedagogi Hikmah. Sampel kajian terdiri daripada 29 orang murid tahun 5 dalam sebuah bilik darjah yang mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza. Pemerhatian dibuat sebanyak tiga kali pelaksanaan Pedagogi Hikmah dijalankan. Data pemerhatian telah ditranskripkan dan disahkan benar oleh peserta kajian pada setiap sesi. Pada setiap sesi pemerhatian, pengkaji membuat analisis aras soalan menggunakan Taksonomi Bloom yang terdiri daripada enam tahap; mengingat, memahami, mengaplikasikan, menganalisis, menilai dan mencipta (lihat Jadual 1). Dapatan kajian menunjukkan aplikasi pelaksanaan Pedagogi Hikmah ke atas murid sebanyak tiga kali sesi pemerhatian.

7.0 DAPATAN KAJIAN

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji yang melibatkan sebuah kelas tahun 5 yang mempunyai tahap kecerdasan yang berbeza. Pelaksanaan Pedagogi Hikmah diulang sebanyak 3 kali bagi pengajaran Pendidikan Islam dengan menggunakan bahan rangsangan yang berbeza mengikut silibus yang sebenar. Pemilihan bahan rangsangan dalam Pedagogi Hikmah ini sangat penting bagi memberangsangkannya kemahiran berfikir murid contohnya bahan berbentuk masalah kerana bahan tidak bermasalah, murid akan menerima tanpa perlu menggunakan kemahiran berfikir. Langkah pertama pelaksanaan Pedagogi Hikmah ialah murid berada dalam satu kelas dan susunan meja disusun secara berkumpulan sama ada berbentuk U, bentuk L, atau ladang kuda. Kedudukan murid sangat penting dalam pelaksanaan Pedagogi Hikmah untuk memberikan dan menerima input yang jelas dalam sesuatu topik. Kedudukan murid juga mempengaruhi aktiviti berkumpulan dalam mewujudkan interaksi antara guru dengan murid dan murid dengan murid.

Langkah kedua ialah murid diberikan bahan rangsangan Pedagogi Hikmah. Murid diberikan masa untuk membaca teks secara individu dan membina soalan. Kemudian, beberapa orang murid akan diminta membaca teks di hadapan kelas secara bergilir sehingga selesai. Guru meminta murid menyediakan soalan dan tulis di hadapan kelas. Beberapa soalan akan dipilih oleh guru dan dibincangkan bersama di dalam kelas. Semua murid berpeluang untuk memberikan pendapat masing-masing dalam perbincangan tersebut. Pengkaji juga telah menyediakan rancangan pengajaran dan pembelajaran Pedagogi Hikmah dan jalur inkuiri dalam tema yang dipilih seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Rancangan Pengajaran Pedagogi Hikmah

	APA	BAGAIMANA
Bahan Perangsang	Teks cerita berkaitan tajuk yang dipelajari "Si Penjual Buah".	Guru mengedarkan teks cerita kepada murid dan meminta pelajar mengemukakan soalan daripada teks cerita tersebut.
Jalur Inkuiri	Adab Berjual Beli	Guru menerangkan adab berjual beli dengan betul.
Hasil Pembelajaran	Di akhir pelajaran, murid akan dapat: Menjelaskan adab berjual beli. Menghuraikan ciri-ciri jual beli yang menepati hukum syarak. Membanding beza kelebihan adab berjual beli dan akibat mengabaikan adab berjual beli.	
Perkembangan Pengajaran		
Set Induksi (5 minit)	Guru menunjukkan gambar berkaitan suasana jual beli di pasar.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diminta melihat dan menganalisis gambar tersebut. 2. Murid ditanya berkaitan gambar tersebut. 3. Murid diminta memberi pandangan berdasarkan gambar tersebut.
Perkembangan 1 (10 minit)	Jalur Inkuiri <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagaimanakah adab berjual beli mengikut syarak? 2. Apakah kelebihan mengamalkan adab berjual beli? 3. Apakah akibat mengabaikan adab berjual beli ? 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Murid diberikan teks cerita Pedagogi Hikmah "Si Penjual Buah". 2. Murid diarahkan untuk membina soalan daripada teks cerita yang diberi. 5 orang murid dalam satu kumpulan mengemukakan satu soalan. 3. Kemudian, guru memilih kumpulan murid yang berada di baris hadapan dan belakang untuk mengemukakan soalan dan menuliskannya di papan putih.
Menyusun Soalan Pelajar	Cuba fokus kepada jalur di atas	<ol style="list-style-type: none"> 1. Soalan murid dinilai dan memberi simbol jenis soalan aras rendah, sederhana dan tinggi. 2. Soalan murid disusun mengikut kepentingan tajuk.
Perkembangan 2 (25 minit)	Perbincangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Guru berbincang mengenai soalan yang dikemukakan oleh pelajar mengikut turutan yang telah disusun oleh guru. 2. Murid akan diminta memberi pandangan kepada setiap soalan yang ditanya. 3. Guru hanya sebagai fasilitator dan memprovokasi perbincangan.
Penilaian dan Penutup (10 minit)	Guru meminta pelajar memberi pendapat tentang situasi yang diberikan dan menjelaskan hujah mereka.	Murid menulis jawapan mereka pada kertas.

7.1 Pemerhatian PHO1

Pemerhatian telah dibuat sepanjang tiga kali pelaksanaan Pedagogi Hikmah dan KBAT dalam pembelajaran dan pengajaran (PdP) Pendidikan Islam. Sesi pelaksanaan yang pertama PHO1 berkaitan tajuk pembelajaran 'Aurat dalam Kehidupan'. Pada pelaksanaan yang pertama ini, murid kelihatan kurang aktif dalam melibatkan diri dan menyuarakan pendapat kerana mungkin kaedah ini bukanlah kebiasaan pembelajaran dan pengajaran mereka. Namun begitu, terdapat beberapa orang murid yang aktif dalam kalangan murid pintar mula menyoal soalan dan hal ini memberi suntikan kepada rakan lain untuk

menambah hujah dan menyokong pernyataan yang dikemukakan oleh rakan mereka. Soalan-soalan yang disoal oleh murid-murid kebanyakan menggunakan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dan hanya terdapat satu sahaja soalan aras tinggi (lihat Jadual 3). Walaupun terdapat soalan yang bermula dengan perkataan ‘mengapa’, namun soalan tersebut masih dikira sebagai KBAR kerana mempunyai jawapan dalam teks yang dibincangkan. Pada akhir sesi pengajaran, murid semakin selesa berkongsi pendapat menurut pandangan dan pengalaman mereka setelah guru membantu menunjukkan tema yang gagal di kesan oleh murid.

Jadual 3 : Analisis Taksonomi Bloom Pemerhatian PHO1

	Soalan	Taksonomi Bloom
Soalan KBAT	1. <i>Mengapakah peraturan sekolah perlu dipatuhi oleh setiap murid?</i>	Menganalisis
Soalan KBAR	2. <i>Adakah perbuatan Cikgu Nasrun kepada Fatimah itu betul?</i>	Memahami
	3. <i>Siapakah Cikgu Nasrun?</i>	Mengingat
	4. <i>Kenapakah rakannya tidak berani menegur Fatimah?</i>	Memahami
	5. <i>Mengapakah Fatimah tidak memakai tudung bulat?</i>	Memahami

7.2 Pemerhatian PHO2

Pada sesi kedua pelaksanaan Pedagogi Hikmah PHO2 pula, murid kelihatan lebih bersedia dalam pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga lebih bersedia daripada segi pengetahuan tentang topik yang akan diajar bagi merancang soalan-soalan yang membantu memperbaiki pemikiran murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Murid dapat membina soalan KBAT dengan lebih banyak berbanding semasa sesi yang pertama seperti dalam Jadual 4. Antara contoh soalan ialah mengapakah kita mesti mengamalkan adab di masjid. Jelas terdapat perbezaan ketara antara aras soalan yang disoal oleh murid berdasarkan Jadual 3 dan Jadual 4. Terdapat empat soalan yang dihasilkan ialah soalan KBAT dan satu soalan KBAR (lihat Jadual 4). Murid mula melihat perspektif pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam dengan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Penggunaan perkataan mengapa menunjukkan minda murid mengalami proses berfikir dan berusaha menuntut jawapan bagi persoalan yang bermain di fikiran mereka. Hal ini menunjukkan murid mula kritis dalam memikirkan soalan dan telah membantu rakan lain menjana idea bagi menjawab soalan tersebut. Pada sesi ini murid mula bersemangat untuk memberi pendapat dan menyokong idea yang telah dikemukakan oleh rakan mereka. Murid yang pasif juga mula memberi hujah selepas ditanya oleh guru, adakah mereka menyokong pendapat yang diutarakan oleh rakan mereka. Hujah yang dikemukakan murid mula menampakkan proses kemahiran berfikir aras tinggi kerana pendapat mereka mula menyelesaikan permasalahan yang tidak wujud dalam bahan bacaan yang digunakan oleh guru sebagai bahan rangsangan. Proses ini berlaku apabila wujudnya perbincangan dan penelitian semasa rakan-rakan mengemukakan pendapat.

Jadual 4 : Analisis Taksonomi Bloom Pemerhatian PHO2

	Soalan	Taksonomi Bloom
Soalan KBAT	1. <i>Wajarkah kita sebagai rakan menegur rakan lain yang tidak mengamalkan adab di masjid?</i>	Menilai
	2. <i>Mengapakah kita mesti mengikut tata tertib apabila di masjid?</i>	Mengaplikasi
	3. <i>Mengapakah kita tidak boleh memakan makanan di masjid tanpa meminta izin?</i>	Menganalisis
	4. <i>Bagaimanakah kita dapat menegur rakan yang tidak mengamalkan adab di masjid?</i>	Mencipta
Soalan KBAR	5. <i>Apakah sebab kita perlu mendengar khutbah?</i>	Memahami

7.3 Pemerhatian PHO3

Semasa pelaksanaan yang terakhir sesi Pedagogi Hikmah PHO3 ini pengkaji melihat suasana pembelajaran dan pengajaran mula berlangsung secara komuniti inkuiri. Suasana pembelajaran berbeza berbanding sebelum menggunakan Pedagogi Hikmah di dalam kelas tersebut. Hampir semua soalan yang dikemukakan oleh murid pada aras yang tinggi dan hanya dua sahaja soalan aras sederhana. Hal ini bermakna kemahiran berfikir murid mula berkembang daripada pelaksanaan yang pertama hinggalah ketiga ini. Murid pasif

bukan hanya menyokong pendapat rakan tetapi mula menyoal soalan pada maksud yang tersirat. Jadual 4 membuktikan murid dapat membina soalan KBAT. Terbukti bahawa pemikiran aras tinggi ini sebenarnya perlu dirangsang dalam kalangan murid dan diasah secara komuniti inkuiri agar mereka terbiasa berfikir secara falsafah. Hujah yang dikemukakan mereka mampu menyelesaikan permasalahan yang dibincangkan bersama walaupun situasi tersebut tidak pernah dialami mereka. Murid juga mula bijak memilih soalan, bukannya soalan yang mempunyai jawapan sedia ada dalam bahan rangsangan. Empat soalan yang dibina merupakan soalan KBAT dan satu soalan KBAR (lihat Jadual 5). Selain itu, apabila berlaku percanggahan pendapat, murid dapat membuat pertimbangan dengan idea rakan mereka dan menyimpulkan kesimpulan yang harmoni. Cara pemikiran semakin meningkat dan sentiasa mencari makna tentang apa yang telah dipelajari dalam matapelajaran Pendidikan Islam. Selepas sesi PdP menggunakan Pedagogi Hikmah, pengkaji meneliti tingkah laku murid mempunyai perubahan yang positif dan bermakna kerana mereka mula melalui proses berfikir menaakul dengan apa yang pelajari. Murid juga dapat meningkatkan pemahaman mereka dalam Pendidikan Islam. Justeru, pengkaji yakin bahawa Pedagogi Hikmah ini dapat merangsang kemahiran berfikir aras tinggi murid jika dilaksanakan secara berterusan dalam Pendidikan Islam.

Jadual 5 : Analisis Taksonomi Bloom Pemerhatian PHO3

	Soalan	Taksonomi Bloom
Soalan KBAT	1. <i>Mengapakah kita perlu jujur semasa jual beli?</i>	Menganalisis
	2. <i>Mengapakah si bapa berasa menyesal atas kata-katanya itu?</i>	Menganalisis
	3. <i>Apakah bukti yang menunjukkan penjual itu mengamalkan adab berjual beli?</i>	Menilai
	4. <i>Bagaimanakah tindakan kita jika berhadapan dengan penjual yang tidak jujur?</i>	Mencipta
Soalan KBAR	5. <i>Apakah adab jual beli yang perlu kita amalkan semasa menjual beli?</i>	Memahami

8.0 PERBINCANGAN

Hasil dapatan kajian berdasarkan tiga pemerhatian PHO1, PHO2 dan PHO3 mendapati murid dalam kelas berkenaan menunjukkan peningkatan dalam mengemukakan aras soalan semasa Pedagogi Hikmah dijalankan. Pada pemerhatian awal, analisis aras soalan murid menunjukkan kebanyakan soalan mereka merupakan soalan KBAR berdasarkan Taksonomi Bloom dikategorikan sebagai memahami dan mengingat. Namun pada pelaksanaan akhir Pedagogi Hikmah mereka menunjukkan perbezaan yang ketara dalam membina soalan KBAR kepada soalan KBAT. Hal ini kerana pada PHO3 aras soalan murid menunjukkan peningkatan kerana lebih banyak soalan yang dikemukakan pada aras menganalisis, menilai dan mencipta. Dapatan kajian ini sama dengan kajian Hafizhah & Rosnani (2019) bahawa terdapat peningkatan menyoal soalan Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR) kepada Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) selepas pelaksanaan berkonsepkan inkuiri falsafah yang memerlukan murid untuk memberi alasan, mencari jalan penyelesaian dan memberi alternatif berfokus kepada konsep perbincangan. Selain itu kajian ini sepadan dengan kajian oleh Juperi (2011), di mana murid dapat mengemukakan lebih banyak soalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) berbanding soalan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dalam Pendidikan Islam menggunakan Pedagogi Hikmah. Hal ini sesuai dengan pendapat Alias (2017) yang menggunakan analisis soalan murid menggunakan Hierarki Taksonomi Bloo bagi melihat KBAT dalam kalangan murid.

Kajian ini juga mendapati murid dapat meneroka maklumat yang dibincangkan seterusnya membuat perhubungan, perbandingan, membezakan dan menyusun. Malah murid juga dapat membuat penilaian yang membenarkan mereka mengkritik watak yang terdapat dalam teks PHO3 dan penghakiman yang murni dalam perbincangan. Hal ini kerana mereka berfikir secara KBAT pada aras soalan menganalisis, menilai dan mencipta. Jelas bahawa murid mula berfikir KBAT kerana dapat mengembangkan idea yang tidak berlaku pada diri mereka. Selain itu, pelaksanaan Pedagogi Hikmah dan KBAT dalam Pendidikan Islam ini membantu murid bermotivasi untuk menyoal soalan dan aras soalan mereka mula meningkat secara konsisten. Hal ini dibantu dengan bahan rangsangan seperti video, cerita pemikiran dan gambar yang digunakan. Oleh itu, pelaksanaan Pedagogi Hikmah ini bukan sahaja menarik minat murid yang mempunyai pencapaian tinggi malah murid yang berprestasi rendah. Perbincangan falsafah ini berbeza dengan perbincangan biasa kerana semua murid bebas menyuarakan pendapat dan setiap pendapat akan dihargai oleh rakan lain. Murid yang mempunyai pencapaian yang rendah juga mampu mengemukakan

soalan KBAT, menjelaskan makna, memberi contoh, membuat keputusan, penaakulan dan mengkategorikan idea (Wan Yusoff, 2018). Justeru, semasa proses pelaksanaan didapati peningkatan aras soalan murid secara konsisten.

Hal ini disokong dalam kajian Rosnani, Suhailah dan Adesile (2014) bahawa Pedagogi Hikmah dan meningkatkan kemahiran berfikir dan menaakul dengan berkesan. Murid juga mampu memberi pendapat di luar suasana kehidupan seharian mereka. Pedagogi Hikmah ini terbukti dalam meningkatkan bukan sahaja kemahiran kognitif murid tetapi kemahiran interpersonal ini kerana berlakunya kesensitifan kepada nilai, minat, dan pengalaman yang sama. Suasana pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar dan harmoni kerana murid kelihatan memberi peluang kepada rakan-rakan lain untuk menyuarakan pendapat.

9.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Pedagogi Hikmah dan KBAT ini sangat relevan untuk dilaksanakan dalam institusi pendidikan kita bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 yang menekankan kemahiran berfikir aras tinggi. Pendekatan Pedagogi Hikmah sebagai alat berfikir sebenarnya bukanlah sesuatu yang baharu kerana ia seusia dengan falsafah namun masih tidak ditelan zaman untuk diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan hasil dapatan kajian, jelas bahawa berlaku penyelesaian masalah, penerokaan dan penyiasatan dalam PdP Pendidikan Islam menggunakan Pedagogi Hikmah dan KBAT menggalakkan murid berfikir aras tinggi dalam pembelajaran. Hal ini dapat meningkatkan kemahiran berfikir murid membuat keputusan sendiri dalam pelbagai situasi yang bakal dialaminya di dunia nyata. Oleh itu, perkara ini sangatlah wajar dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang mengimpikan untuk melahirkan bangsa yang memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan memenuhi pasaran global.

10.0 RUJUKAN

- Al-Ghazali. (2007). *Wonders Of The Heart*. (W. J. Skellie, Trans.). Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Alias, H. (2017). *Teaching Thinking through Stories from the Qur'an Using Philosophy for Children Method*. Unpublished Master's Thesis, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Anon. (2018). Sistem Pendidikan Negara Perlu Diubah. *Berita Harian*, 23 disember : 2018
- Anon. (2019). *Malaysia Di Landasan Tepat, Capai Sasaran 30 Peratus Pisa*. 17 Disember: 2019
- Anderson, L. W. & Krathwohl, D. R. (2001). *A Taxonomy For Learning, Teaching And Assessing: A Revision Of Bloom's Taxonomy Of Educational Objectives*. New York: Longman.
- Blaschke, L. M. (2014). Using Social Media To Engage And Develop The Online Learner In Self-Determined Learning. *Research In Learning Technology*, 22. Dilayari di [Http://www.researchinlearningtechnology.net/index.php/rlt/article/view/21635](http://www.researchinlearningtechnology.net/index.php/rlt/article/view/21635).
- Brandt, B. (2013). The Learner's Perspective. In S. Hase & C. Kenyon (Eds.), *Self-Determined Learning: Heutagogy In Action*. (Pp. 99-114). London: Bloomsbury Academic
- Bruner. (1987). Life As Narrative. *Social Research*, 54, 11–32
- Connie. (1999). *The Teaching Of Thinking Using Philosophical Inquiry*. University Of Melbourne
- De Hann, C., Mccutcheon, L. D & Maccoll, S. (1995). *Philosophy With Kids*, Book 1. Melbourne: Longman.
- Gareth Matthews. (1994). *A Philosophy Of Childhood*; [University Of Massachusetts Amherst](http://www.umass.edu/philosophy/).
- Hafizhah Zulkifli & Rosnani Hashim. (2019) The Development of Questioning Skills through Hikmah (Wisdom) Pedagogy. *Creative Education*, 10, 2593-2605. doi: [10.4236/ce.2019.1012187](https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012187).
- Hart Research Associates. (2013). It Takes More Than A Major: Employer Priorities For College Learning And Student Success. Association Of American Colleges And Universities (Aacu), 99, 2. Retrieved From [Http://www.aacu.org/liberaleducation/le-sp13/hartresearchassociates.cfm](http://www.aacu.org/liberaleducation/le-sp13/hartresearchassociates.cfm)
- Haynes, J. M. & Murriss, K. (2012). *Picturebooks, Pedagogy And Philosophy*. New York, Ny: Routledge.
- Juperi, A. J. (2011). *Philosophical Inquiry in Islamic Education and Its Effect in the Development of Questioning Skills among Secondary School Students*. Unpublished Master, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Thesis, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.

- Kennedy, D. (2010). *Philosophical Dialogue With Children: Essays On Theory And Practice*. New York, Ny: The Edwin Mellen Press
- Kizel, A. (2015). "Life Goes On Even If There's A Gravestone": Philosophy With Children And Adolescents On Virtual Memorial Sites. *Childhood And Philosophy*, 10, 421–443
- Kizel, A. (2016). Philosophy With Children As An Educational Platform For Selfdetermined Learning, *Cogent Education*, 3:1, 1244026
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya : KPM
- Lipman, M. (1980). *Philosophy In The Classroom*. Philadelphia, Pa: Temple University Press
- Lipman, M. (1988). *Philosophy Goes To School*. Philadelphia, Pa: Temple University Press
- Lipman, M. (2003). *Thinking In Education*. New York, Ny: Cambridge University Press. [Http://Dx.Doi.Org/10.1017/Cbo9780511840272](http://Dx.Doi.Org/10.1017/Cbo9780511840272)
- Lipman, M., Sharp, A. M., & Oscanyan, F. S. (1980). *Philosophy in the Classroom* (2nd ed.). Philadelphia, PA: Temple University Press.
- Madiah Khalid, Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussien & Rosemaliza Kamalludeen. (2017). *Aplikasi Pedagogi Hikmah Bagi Kemahiran Abad Ke-21 Di Sekolah-Sekolah Di Gombak: Kajian Bagi Subjek Sains Dan Pendidikan Islam*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Universiti Awam 2017, 13-15 Dec 2017, Sabah.
- Mohd Farid. (2013). *Akidah Dan Pemikiran Islam: Isu Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.
- Naji, S. & Rosnani Hashim (2017). *History, Theory And Practice Of Philosophy For Children*. Oxon: Routledge.
- Norillah Abdullah. (2009). *Philosophical Inquiry (Pi) As An Approach To Developing Critical Thinking And Self-Confidence*: Kuala Lumpur: Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Ricci & Pritscher, C. P. (2015). *Holistic Pedagogy*. New York, Ny: Springer. [Http://Dx.Doi.Org/10.1007/978-3-319-14944-8](http://Dx.Doi.Org/10.1007/978-3-319-14944-8)
- Rosnani. H. (2012). *Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir Dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Menerusi Inkuiri Dan Pedagogi Filosofiyah Dalam Kalangan Guru*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Ipta 2012.
- Rosnani Hashim, Wan Mazwati Wan Yusoff, Suhailah Hussien, Madiah Khalid & Rosemaliza Kamalludeen (2018). *Aplikasi Pedagogi Hikmah Bagi Pengajaran Bahasa Malaysia Dan Bahasa Inggeris Abad Ke-21*; *Jurnal Pendidikan Malaysia* 43(2)(2018): 37-47
- Rosnani. H. (2017). *Revitalization of Philosophy and Philosophical Inquiry in Muslim Education, the Way Forward* . Six Professional Lexture Series, Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Trickey, S. & Topping, K.J. (2004). *Philosophy For Children: A Systematic Review*. *Research Papers In Education* 19(3): 365-380
- Wilks, S. (1995). *Critical & Creative Thinking*. Australia, Armadale: Eleanor Curtain.
- Yusoff, W. M. W., & Seman, S. C. (2018). *Teachers' Knowledge Of Higher Order Thinking And Questioning Skills: A Case Study At A Primary School In Terengganu, Malaysia*. *International Journal Of Academic Research In Progressive Education And Development*, 7(2), 45–63.
- Wan Yusoff, W. M. (2018). *The Impact of Philosophical Inquiry Method on Classroom Engagement and Reasoning Skills of Low Achievers*. *Journal of Curriculum and Teaching*, 7, 135-146. <https://doi.org/10.5430/jct.v7n1p135>